

**Barisan Nasional tampil muka baharu, lama  
Utusan Online  
30 Mac, 2013  
Oleh SALEHUDIN MAT RASAD**

BENTONG 29 Mac - Barisan Nasional (BN) Pahang akan menampilkan formula gabungan calon muka lama dan baharu di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan diadakan tidak lama lagi.

Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pihaknya tiada masalah mengekalkan calon lama asalkan mereka boleh menang dan meneruskan perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau menjelaskan, pihaknya tidak menetapkan formula peratusan muka lama dan baharu dalam pemilihan calon kerana yang lebih penting mereka adalah seorang yang berwibawa dan diterima oleh pengundi.

"Walaupun wakil itu sudah empat penggal, jika perkhidmatannya cemerlang dan diterima rakyat tiada masalah untuk mengekalkan mereka.

"Begitu juga sebaliknya jika wakil rakyat sepenggal tetapi kurang menyerlah dan tidak menepati kriteria ditetapkan tidak mustahil calon lain lebih berwibawa akan ditonjolkan," katanya kepada pemberita selepas majlis mesra kasih warga DUN Pelangai dengan Menteri Besar di Felda Kemasul di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, BN negeri telah menyelesaikan pemilihan calon yang sesuai dan berpotensi boleh menang untuk diketengahkan pada PRU-13 nanti.

Adnan memberitahu, setiap kali berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak jika pulang ke negeri ini, antara topik diperkatakan ialah soal calon dan kerusi ditandingi supaya yang dipilih adalah tepat mengikut kehendak pengundi.

Beliau turut menasihatkan para pengundi supaya rasional dan tidak terikut dengan selera segelintir orang muda yang ingin mencuba menukar kerajaan kerana kesannya akan membabitkan masa depan negara.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130330/px\\_05/Barisan-Nasional-tampil--muka-baharu-lama](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130330/px_05/Barisan-Nasional-tampil--muka-baharu-lama)